

04 MAR 1997

ALL Yahaya-Terhempas

PENGERUSI HICOM DAN ISTERI TERKORBAN DALAM NAHAS HELIKOPTER

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Malaysia kehilangan seorang tokoh perniagaan dan usahawan Bumiputera apabila Tan Sri Yahaya Ahmad terbunuh bersama isterinya dalam nahas helikopter dekat Kuala Lipis, Pahang, malam tadi.

Mereka sedang menuju ke Kuala Terengganu untuk menziarah ibu Yahaya yang sedang sakit tenat di hospital Marang.

Turut terkorban ialah Mej Azlizan Abdul Manas, juruterbang helikopter Augusta-109 milik Gadek Aviation Helicopter Sdn Bhd, satu daripada syarikat milik Yahaya.

Helikopter itu yang dibeli hanya bulan lepas daripada pengeluar Itali, menjunam ke dalam hutan di Kampung Atok di Jerangsang kira-kira lima kilometer dari Jalan Kuala Lipis-Jerantut.

Ketiga-tiga mayat itu yang ditemui dalam keadaan rentung dikeluarkan dari bawah cebisan bangkai helikopter berkenaan kira-kira dua jam selepas kejadian. Mayat-mayat itu dihantar ke Hospital Kuala Lipis dan dipindahkan ke Hospital Kuala Terengganu untuk bedah siasat.

Menurut saksi kejadian, dua letupan kedengaran sebelum helikopter itu berpusing beberapa kali dan terhempas lalu terbakar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Anwar Ibrahim ialah antara orang kenamaan negara yang berlepas ke Kuala Terengganu untuk memberikan penghormatan terakhir.

Yahaya, 50, dan isterinya Puan Sri Rahana Othman, 48, dikebumikan di Marang sebelum waktu Maghrib. Kedua-duanya meninggalkan dua anak lelaki dan dua anak perempuan.

Mej Azlizan, 32, dikebumikan di Batu Pahat, juga petang ini. Allahyarham yang menyertai syarikat itu selepas menamatkan perkhidmatan dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) 31 Dis lepas, meninggalkan seorang isteri, seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan.

Berikutan itu syarikat-syarikat yang disenarai yang ada kaitan dengan Yahaya memohon supaya urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) digantung sehingga diberitahu kelak.

Antaranya Hicom Holdings, Diversified Resources Bhd, Golden Pharos, Kedah Cement, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd, Edaran Otomobil Nasional, Gadek Malaysia, Gadek Capital dan Eastern Pacific Industrial Corporation.

Seorang jurucakap DRB berkata pengarah urusan Datuk Mohammed Salleh Sulong akan bertanggungjawab dalam urusan berkaitan kumpulan itu buat sementara ini.

Pengarah Hospital Kuala Terengganu Dr Rashid Che Ali menafikan khabar angin kononnya ibu Yahaya Hajah Mandak Omar, 77 meninggal dunia beberapa jam selepas nahas itu.

"Beliau sedang dirawat di unit rawatan jantung. Keadaannya bagaimanapun kurang memuaskan," katanya.

Hajah Mandak dirawat di hospital itu kerana diserang angin ahmar. Beliau yang dimasukkan ke situ empat hari lepas juga menghadapi masalah paru-paru.

Ketua Polis Pahang Datuk Abas Johar berkata pasukan penyelamat meredah laluan berbukit untuk sampai ke tempat kejadian pada pukul 1 pagi ketika bangkai pesawat itu masih lagi terbakar. Sebuah beg dengan nama Azlizan tertera padanya dan sebelah kasut wanita yang dipercayai kepunyaan Rahana, turut ditemui.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (DCA), Haji Zaini Omar berkata

helikopter yang malang itu berlepas dari pangkalan helikopter Segambut pada pukul 10.45 malam tetapi hilang dari skrin radar 30 minit kemudian.

Pusat Kawalan Malaysia (MCC) kemudian digerakkan. Helikopter berkenaan sebelum itu sedang terbang pada paras 9,000 kaki.

Pada 1.33 pagi, DCA telah dimaklumkan oleh pihak polis mengenai penemuan bangkai helikopter itu di Kampung Atok, Jerangsang.

Jabatan Kajicuaca pula melaporkan cuaca di kawasan itu adalah baik dengan keadaan langit yang cerah dan tiada hujan ketika itu.

Menurut seorang saksi, helikopter itu dilihat berpusing-pusing beberapa kali sebelum meletup di udara.

Zahidan Nor, 16, penduduk Kampung Sungai Damar dalam Mukim Tanjung Besar, Kuala Lipis berkata sebelum itu dia terdengar bunyi enjin pesawat terbang yang kemudiannya senyap.

"Sekejap kemudian ia bunyi semula seperti enjin kereta yang baru hendak dihidupkan".

"Saya nampak ia berpusing-pusing di udara dan dalam beberapa ketika saja ia terhempas dengan bunyi yang kuat diikuti dengan kebakaran," kata Zahidan.

Dia ketika itu sedang berada di halaman rumahnya selepas menonton rancangan TV1 "Video Muzik" yang habis pada kira-kira 11 malam.

Zahidan berkata dia dan seorang rakan kemudian berlari ke Balai Polis Jerangsang tidak jauh dari rumahnya untuk memberitahu kepada polis.

Seorang lagi penduduk, Sulaiman Sakmah, 54, berkata beliau terdengar bunyi seperti bunyi enjin motosikal dan keluar dari rumahnya untuk melihat apa yang berlaku.

Beliau terdengar bunyi letupan dua kali dan ternampak sebuah pesawat berpusing-pusing sebelum terhempas dan terbakar.

Sulaiman berkata walaupun tempat helikopter itu jatuh hanya 15 meter dari rumahnya, beliau terpaksa menggunakan sebuah bot untuk menyeberangi sungai untuk sampai di tempat kejadian.

Tulisan "DRB", dipercayai di bahagian ekor pesawat itu masih dapat dilihat. Kapar serpihan bertaburan di sekitar kawasan seluas kira-kira 500 meter.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau adalah antara orang yang terakhir yang bertemu dengan Yahaya.

Anwar, yang merupakan rakan sedarjah Yahaya semasa di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), berkata beliau dan murid-murid tua MCKK mengadakan satu majlis bagi meraikan bekas guru-guru mereka di kediamannya di sini malam tadi.

"Yahaya berada bersama kami sehingga 10 malam. Dia memberitahu saya bahawa emaknya sedang sakit di Kuala Terengganu sebelum meninggalkan majlis dengan isterinya, Puan Sri Rahana," Anwar memberitahu pemberita selepas merasmikan Pemeran Perabot Antarabangsa Malaysia '97 di sini.

"Saya melahirkan rasa bimbang membuat penerbangan pada waktu malam dengan helikopter tetapi Yahaya berkata dia terpaksa juga balik kerana ibunya sakit tenat," kata Anwar yang sugul dan sedih atas kehilangan kawan karibnya itu.

Anwar kemudian bergegas ke kediaman Yahaya di Jalan San Ah Wing off Jalan Semarak di sini untuk menemui anak-anak Yahaya.

Semasa ditanya kemungkinan nahas helikopter itu akibat perbuatan khianat, Anwar berkata: "sudah tentu polis akan membuat siasatan sewajarnya, tetapi setakat ini kita tidak menjangka ada sebarang perbuatan khianat."

Beliau berkata kini terlalu awal untuk membuat apa-apa kesimpulan mengenai nahas itu tetapi "saya pasti kita perlu meneliti semua aspek termasuk punca kemalangan".

Katanya kematian Yahaya merupakan bukan sahaja satu kehilangan peribadi

kepadanya malah kehilangan seorang tokoh usahawan yang menjadi kebanggaan negara dan ini satu kerugian besar bagi negara.

Jurucakap Agusta, Grimaldi Gianluca semasa dihubungi Bernama di ibu pejabat syarikat itu di Cascina Costa Itali berkata helikopter itu dijual kepada Gadek Aviation Services Sdn Bhd, syarikat dalam Kumpulan DRB-Hicom yang dikuasai Yahaya, bulan lepas.

"Ini merupakan nahas pertama yang membabitkan model itu," katanya menerusi telefon.

Agusta melancarkan pengeluaran pertama pesawat A 109E Power di Vergiate, Itali pada 28 Sept tahun lepas dan pendedaran ke seluruh dunia dibuat sebulan kemudian.

Gianluca berkata terdapat 40 helikopter dari model sama yang beroperasi di seluruh dunia.

"Pasukan pengurusan tertinggi syarikat akan mengadakan mesyuarat secepat mungkin hari ini untuk membincangkan kejadian itu termasuk kemungkinan menghantar pasukan penyiasat ke Malaysia," katanya. -- BERNAMA

TEAM RON